



SEORANG individu ditahan bersama sembilan naskhah pasport yang dipercayai digunakan sebagai dokumen perjalanan untuk tujuan keluar masuk negara ini secara tidak sah ketika diserbu JIM Johor di Johor Bahru.

LAGI SINDIKET 'PASPORT TERBANG' TUMPAS

Salah guna 9 pasport untuk keluar masuk

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Jabatan Imigresen (JIM) Johor menumpaskan sindiket 'pasport terbang' menerusi operasi Ops Serkap di sebuah pangsapuri di Taman Daya di sini pada 29 Januari lalu.

Dalam operasi itu, seorang individu berusia 44 tahun ditahan manakala sembilan naskhah pasport dirampas kerana diperca-

yai digunakan sebagai dokumen perjalanan untuk tujuan keluar masuk negara ini secara tidak sah.

Pengarah Imigresen Johor Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, operasi Ops Serkap dijalankan oleh sepasukan pegawai Bahagian Penguatkuasa Negeri Johor hasil maklumat awam dan risikan yang dijalankan pi-

haknya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan di lokasi membawa kepada penemuan beberapa naskhah pasport yang disyaki disalahgunakan oleh sindiket terbabit.

"Seorang warga tempatan ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Pasport 1966 (Akta 150).

"Individu terbabit kini

ditahan di Bahagian Penguatkuasa Negeri Johor untuk siasatan lanjut dan tindakan selanjutnya mengikut peruntukan undang-undang," katanya menerusi satu kenyataan media, semalam.

Mohd Rusdi berkata, pihaknya memandang serius penyalahgunaan pasport kerana ia boleh menjejaskan keselamatan negara dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu yang terbabit dalam kegiatan penyalahgunaan dokumen perjalanan.

Suspek kini ditahan di Bahagian Penguatkuasa Negeri Johor Mohd Rusdi